

Pemindahan teknologi beri manfaat kepada Melaka

Mohd Salman Hamat

AYER KEROH - Program pemindahan teknologi 2024, memabatkan agensi luar negara menjadi antara inisiatif dilaksanakan Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur berkualiti kepada rakyat Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, Australian Road Research Board (ARRB) di Melbourne, menjadi antara persinggahan beliau yang mengetuai lawatan kerja rasmi Kerajaan Negeri Melaka ke Australia.

Kata Ab Rauf, ARRB dipilih kerana kemampuannya sebagai peneraju organisasi penyelidikan pengangkutan khusus untuk penyelidikan, perundingan dan membangunkan amalan terbaik dalam infrastruktur jalan serta pengangkutan di Australia.

"Menerusi program ini, matlamat utama pentadbiran saya

adalah untuk memupuk kerjasama peringkat antarabangsa termasuklah meningkatkan keupayaan teknikal.

"Ini juga bagi mewujudkan hubungan kukuh di antara Negeri Melaka dan organisasi teknikal di Australia.

"Kerajaan Negeri juga mahu meneroka teknologi inovatif terbaik daripada pemimpin industri, selain mendapatkan pendedahan berhubung teknologi terkini di Australia dan pasaran antarabangsa," kata Ketua Menteri menerusi hantaran di Facebook rasmi beliau, 30 Julai lalu.

Lawatan kerja rasmi itu turut disertai Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azhar Arshad; Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Wira Abdul Razak Abdul Rahman; Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri, Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer serta Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi



AB Rauf dan delegasi Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke Australian Road Research Board (ARRB) di Melbourne, Australia. Foto Pejabat Ketua Menteri

Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan.

Turut bersama, Ketua Pegawai Operasi National Transport

Research Organisation (NTRO) Dr. Richard Yeo; National Technical Leader, Asset Performance NTRO Tyrone Toole dan Chief Technology Leader NTRO Dr. Michael Moffatt.

Sementara itu, dalam temubual secara langsung bersama Melaka FM, Ab Rauf memaklumkan lawatan kerja itu juga dapat membantu agensi dan jabatan Kerajaan Negeri belajar serta mengkaji teknik penyelenggaraan dan penambahbaikan jalan raya untuk

dipraktikkan di Negeri Melaka.

"Kita turut membawa para jurutera terlibat untuk melihat dan mempelajari kaedah penyelenggaraan jalan raya terbaik di Australia untuk Negeri Melaka.

"Semua yang berkaitan dengan infrastruktur dan jalan raya kita bawa ke sini supaya kita bukan sahaja dapat belajar bahkan melakukan pemindahan teknologi di makmal berkaitan jalan raya yang ada di Australia ini," katanya.

